



MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

(PAK-21)

AKTIVITI

1

Rotating Review

Tugasan:

1. Guru menerangkan tentang perjalanan aktiviti *Rotating Review*.
2. Guru meminta murid membina enam kumpulan.
3. Setiap kumpulan dikehendaki untuk memilih satu kad tugas dan membincangkan aspek positif dan negatif.
4. Rakan-rakan perlu memberikan pendapat daripada kad tugas.
5. Rakan-rakan membuat catatan pendapat mereka pada kertas sebak.
6. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain untuk membuat penilaian hasil perbincangan setiap kumpulan.
7. Setiap kumpulan akan mencatatkan komen, idea tambahan, atau pertanyaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut pada kertas tersebut dengan menggunakan pen yang berbeza warna.

Contoh Cadangan Jawapan

Set 1 Tajuk: Mengapakah pasukan sorak penting dalam sesuatu acara sukan?

Aspek Positif	Aspek Negatif
<ul style="list-style-type: none">• Membina semangat kerja sepasukan• Menunjukkan kehebatan aksi dan sorakan• Membina kreativiti sorakan dan gerakan• Memberikan semangat kepada sesuatu pasukan	<ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan bibit-bibit permusuhan• Kemungkinan melakukan aksi yang berbahaya atau kurang sopan• Tidak membataskan gerakan dan sentuhan antara lelaki dan perempuan

Set 2 Tajuk: Sukan Air (Kayak)

Aspek Positif	Aspek Negatif
<ul style="list-style-type: none">• Membina semangat kerja sepasukan• Memupuk sifat berani• Membina kekuatan otot tangan• Mengasah kepintaran mengatur strategi	<ul style="list-style-type: none">• Terdedah kepada bahaya kecederaan• Kemungkinan boleh menyebabkan mati lemas• Perlu memastikan alatan dalam keadaan baik• Perlu peka dengan perubahan cuaca atau arus air

Set 3 Tajuk: Sukan Elektronik

Aspek Positif	Aspek Negatif
<ul style="list-style-type: none">• Menjadikan komunikasi jarak jauh menjadi kenyataan• Memupuk sifat berani• Menggalakkan minat dan sifat ingin tahu• Meningkatkan koordinasi mata dan tangan	<ul style="list-style-type: none">• Menghadkan interaksi dengan orang sekeliling• Meningkatkan tindak balas agresif• Mengganggu waktu belajar, tidur, dan rutin harian• Ketagihan teknologi

Tugasan:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan hendaklah menulis masalah pada kad yang disediakan.
3. Kad tersebut diserahkan kepada kumpulan lain mengikut undian.
4. Kumpulan yang menerima kad perlu mencari dan menyenaraikan atau mencadangkan cara-cara penyelesaian masalah tersebut.
5. Kumpulan diberikan tempoh masa yang sama.
6. Ahli kumpulan diminta supaya menamatkan perbincangan apabila masa perbincangan tamat.
7. Seorang wakil perlu membacakan hasil perbincangan.
8. Kumpulan yang dapat memberikan cara penyelesaian yang paling banyak merupakan pemenang dalam aktiviti ini.

Contoh Cadangan Jawapan

1. Gejala ketagihan gajet dalam kalangan murid
2. Amalan gaya hidup yang tidak sihat dalam kalangan remaja
3. Tidak meminati subjek Matematik
4. Lunturnya semangat patriotik dalam kalangan remaja
5. Mengasah bakat kepimpinan
6. Amalan pembaziran dalam kehidupan
7. Gejala rasuah dalam kalangan masyarakat
8. Ketagihan golongan remaja dalam media sosial

AKTIVITI**3****Three-Step Interview****Tugasan:**

1. Murid akan dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
2. Seorang akan menjadi penemu duga dan seorang akan menjadi pekerja yang akan ditemu duga. Manakala dua orang lagi mencatat kekuatan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan.
3. Keempat-empat orang murid berkongsi pengalaman.
4. Setiap murid akan menjalani sesi temu duga pelbagai jawatan dengan membuat penambahbaikan selepas menyaksikan simulasi temu duga rakan mereka tadi.

Contoh Cadangan Soalan Temu duga

1. Sila ceritakan tentang diri anda. (Biodata)
2. Mengapakah anda mahu bekerja di syarikat/organisasi ini?
3. Mengapakah anda memilih kerjaya/jawatan ini?
4. Apakah ciri-ciri istimewa yang ada pada diri anda?
5. Apakah yang akan anda lakukan sekiranya berjaya/diterima bekerja?
6. Apakah kelayakan dan kepakaran anda untuk mengisi jawatan yang ditawarkan?

AKTIVITI**4****Team Statements****Tugasan:**

1. Setiap murid diminta untuk memilih seorang rakan untuk menjadi pasangannya dalam aktiviti ini.
2. Mereka diminta untuk berbincang tentang produk kraf tangan yang ingin diusahakan.
3. Perbincangan pada awalnya bagi menghasilkan pernyataan individu.
4. Kemudian, mereka akan membentuk pernyataan kumpulan.
5. Setiap kumpulan akhirnya akan menyatakan pernyataan kumpulan masing-masing.
6. Kumpulan yang mempunyai pernyataan yang sama akan dikumpulkan bagi melihat kesepakatan pernyataan yang berjaya dihasilkan dengan produk pilihan mereka.

Contoh Cadangan Jawapan

1. Bakul anyaman daripada buluh, rotan, bemban, atau mengkuang
2. Songket
3. Tembikar/Labu sayong
4. Ukiran kayu
5. Keris/senjata lama
6. Batik
7. Wau
8. Manik hiasan

AKTIVITI 5 Mendeklamasikan Sajak atau Menyanyikan Lagu

Tugasan:

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Seorang murid bagi setiap kumpulan diminta untuk melafazkan baris pertama sajak dengan intonasi yang sesuai.
3. Kemudian, diikuti oleh rakan-rakan kumpulannya yang lain.
4. Selepas itu, murid kedua pula melafazkan sajak dengan intonasi yang sesuai. Disusuli dengan murid lain sehingga habis satu rangkap sajak dilafazkan mengikut gaya rakan mereka.
5. Akhirnya, semua murid bersama-sama mendeklamasikan sajak atau menyanyikannya secara harmoni.

Cadangan Bahan Rangsangan dan Tugasan

Aku Membaca Lagi

Aku mendongak langit
Membaca garis dan titik
Menaakuli kebesaran-Mu
Di bawah bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam
Kicauan burung
Desiran ombak dan wajah pelangi
Mewarnai kehidupan umat-Mu

Aku mendongak lagi
Membaca langit
Di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
Dahan dan ranting terkulai
Daun-daun berguguran
Helai demi helai
Di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
Kutemui
Bulan dan bintang menangis
Meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
Menitis air mata langit
Membasahi bahasa Melayuku
Yang berdarah.

Razali Mohd. Yusof
Dewan Bahasa, Januari 2007
Dewan Bahasa dan Pustaka

Contoh Cadangan Tugasan

- SET 1:** Murid diminta untuk mendeklamasikan rangkap 1 sajak berjudul "Aku Membaca Lagi".
- SET 2:** Murid diminta untuk membuat persembahan sajak artistik rangkap 2 dan 3 menggunakan sajak sama.
- SET 3:** Murid diminta untuk memberikan irama atau melodi kepada rangkap 4 dan 5 sajak tersebut.

AKTIVITI**6****Team Word-Web****Tugasan:**

1. Murid diberikan topik dan meminta mereka menulis topik tersebut di tengah-tengah kertas sebak.
2. Antara topik yang boleh diberikan ialah
 - Kebaikan melancong di dalam negara
 - Tempat menarik di Malaysia dan berikan alasan anda
 - Langkah memartabatkan songket warisan
 - Kesan industri pelancongan
 - Punca remaja tidak meminati karya sastera tradisional/bidang kesusasteraan
 - Langkah mempopularkan makanan tradisi
 - Kepentingan mempelajari sejarah
3. Setiap ahli perlu menulis idea dalam peta minda untuk menunjukkan sumbangan idea mereka.
4. Rakan-rakan yang lain akan memberikan ulasan terhadap idea yang dikemukakan itu.

Contoh Cadangan Jawapan**Set 1: Kebaikan melancong di dalam negara**

- Mengelakkan pengaliran wang ke luar negara
- Menjimatkan kos
- Menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan negara
- Berpeluang untuk mengenali dengan lebih dekat destinasi pelancongan, kebudayaan, dan warisan negara
- Menjana pertumbuhan ekonomi negara
- Merapatkan hubungan kekeluargaan apabila semua ahli keluarga dapat ikut serta

Set 2: Tempat menarik di Malaysia dan berikan alasan anda

- Bangunan bersejarah
- Tempat-tempat peranginan, pulau, dan pantai yang cantik
- Pusat beli-belah terkemuka
- Taman tema
- Zon bebas cukai

Set 3: Langkah memartabatkan songket warisan

- Mengadakan pameran songket
- Menggalakkan pereka fesyen berkarya dengan songket
- Menjadikan songket pakaian bagi majlis-majlis rasmi
- Mengadakan bengkel penghasilan songket
- Menerbitkan buku atau dokumentari tentang songket

Set 4: Kesan industri pelancongan

Kesan Positif	Kesan Negatif
<ul style="list-style-type: none">• Membuka lebih banyak peluang pekerjaan• Meningkatkan infrastruktur dan prasarana• Meningkatkan ekonomi/menjana pendapatan negara• Menarik pelabur asing	<ul style="list-style-type: none">• Pengaruh budaya Barat• Meningkatkan kejadian jenayah• Pusat-pusat hiburan akan beroperasi 24 jam• Menghakis nilai-nilai ketimuran

Set 5: *Punca remaja tidak meminati karya sastera tradisional/bidang kesusasteraan*

- Kurangnya minat membaca
- Tiada galakan daripada ibu bapa
- Kewujudan peranti elektronik dengan pelbagai aplikasi
- Kurangnya kempen memartabatkan karya sastera dan pendedahan karya-karya sastera
- Anggapan bahawa karya sastera atau bidang kesusasteraan terlalu membosankan

Set 6: *Langkah mempopularkan makanan tradisi*

- Mengadakan karnival makanan tradisi
- Mempromosikan makanan tradisi melalui pelbagai media
- Mengadakan bengkel pendedahan tentang penyediaan makanan tradisi
- Memasarkan makanan tradisi ke luar negara
- Menyiarkan rancangan makanan tradisi di kaca televisyen
- Menghasilkan penerbitan atau dokumentari berkaitan makanan tradisi

Set 7: *Kepentingan mempelajari sejarah*

- Memupuk semangat patriotik
- Menyemai semangat perpaduan dalam kalangan rakyat
- Menyedari kesilapan masa lalu/sebagai pengajaran atau iktibar
- Memelihara kedaulatan negara
- Menghargai budaya dan warisan negara
- Memahami landskap politik negara